

**Ucapan Perasmian**  
**Oleh Dato' Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid**  
**Ketua Eksekutif CIDB Malaysia**  
**Sempena**  
**Seminar Redesigning Construction for the Future & 4th**  
**Industrial Revolution**  
**Di Olive Tree Hotel, Bayan Lepas, Pulau Pinang**  
**6 Februari 2018**

---

Pegawai-pegawai CIDB dan MPC, rakan media dan juga para peserta seminar,

Assalamualaikum warah matullahi wabbarakatuh...dan salam sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini sempena Seminar Redesigning Construction for the Future & 4th Industrial Revolution.
2. Tujuan Seminar ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada para hadirin sekalian mengenai teknologi dan inovasi canggih dan terkini yang pastinya akan merubah cara kita melaksanakan projek-projek pembinaan.

Para hadirin sekalian,

3. **Industri pembinaan negara ini terus berkembang pesat dengan kadar pertumbuhan yang lebih daripada pertumbuhan keseluruhan GDP negara. Pada 2015, industri pembinaan berkembang sebanyak 8.2 %, berbanding 5.0 % KDNK negara, pada 2019 pertumbuhan industri ini adalah pada kadar 7.4 % berbanding 4.2 % KDNK negara, manakala setakat suku ketiga 2017, kadar pertumbuhan industri adalah pada 7.0 % berbanding KDNK negara sebanyak 5.9%.**

4. Senario industri pembinaan masa kini telah banyak berubah. Kita dapat melihat begitu banyak projek-projek pembinaan yang amat kompleks sedang dilaksanakan seperti menara pencakar langit, projek-projek infrastruktur seperti MRT, lebuh raya seperti Pan Borneo dan projek refinery and petrochemical integrated development (**RAPID**) di Pengerang, Johor. Projek-projek tersebut yang perlu dilaksanakan di dalam jangkamasa yang terhad, memang tidak akan dapat disiapkan tanpa kaedah-kaedah teknologi seperti IBS dan Building Information Modelling atau BIM. Projek-projek yang disebutkan tadi kebanyakannya telah pun menggunakan teknologi dan inovasi yang lebih canggih lagi, bagi memastikan projek tersebut dalam disiapkan di dalam masa yang ditetapkan dan dengan kualiti pembinaan yang terbaik.

5. Para hadirin sekalian, kita sekarang sedang berada di dalam era digital, yang juga dikenali sebagai Revolusi Industri yang Ke-4, di mana teknologi berubah di dalam sekelip mata. Di China, telah wujud rumah-rumah yang di bina menggunakan teknologi 3D printing. Di Amerika, kita boleh melihat dan memasuki ke dalam sebuah bangunan secara maya menggunakan teknologi Virtual Reality,

sebelum bangunan itu mula di bina. Kini, teknologi drone juga telah mula digunakan untuk memeriksa laluan perparitan atau pendawaian di dalam projek pembinaan yang besar. Jelas sekali teknologi dan inovasi ini mampu meningkatkan produktiviti industri pembinaan di dalam negara kita.

- 6. Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang dilancarkan Perdana Menteri pada September 2015, telah meletakkan sasaran untuk meningkatkan kadar produktiviti industri pembinaan negara dari RM24,800 perkapita pekerja setahun pada 2011 ke RM62,000 pada tahun 2020, iaitu sebanyak 2.5 kali ganda.**
- 7. Menurut Productivity Report 2016/2017 yang dikeluarkan MPC, kadar produktiviti di dalam sektor berkaitan pembinaa telah meningkat sebanyak 12.9 % untuk sektor perumahan, 4.9 % untuk sektor bukan perumahan dan 13.9 peratus untuk sektor kejuruteraan sivil.**
- 8. Laporan tersebut juga menyatakan, sector pembinaan secara keseluruhannya, telah merekodkan kadar produktiviti yang sangat memberangsangkan iaitu sebanyak 12.4 peratus dengan nilai RM40,018 perkapita pekerja setahun pada tahun 2016, berbanding 2015.**
- 9. Bagi mencapai sasaran ini, CITP telah menggariskan beberapa inisiatif di bawah Teras Strategik ketiga iaitu Produktiviti. Ini termasuk mewajibkan penggunaan IBS kepada projek-projek pembinaan**

swasta yang bernilai RM50 juta dan juga meningkatkan penggunaan BIM di dalam industri ini.

10. Pada bulan September 2017, Ketua Setiausaha Kementerian Kerjaraya Dato' Sri Zohari bin Hj Akob dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek telah bersama-sama mengadakan dialog dengan penggiat industri pembinaan bagi mendapatkan maklumbalas tentang pelaksanaan polisi mewajibkan penggunaan IBS untuk projek-projek swasta seperti yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT).
11. Secara keseluruhannya, para penggiat industri pembinaan mengalu-alukan langkah tersebut kerana mereka sedar bahawa penggunaan IBS berupaya untuk meningkatkan produktiviti industri pembinaan secara keseluruhannya. CIDB juga sedang bekerjasama erat dengan Jabatan Kerja Raya yang telahpun menerbitkan lebih daripada 100 pre-approved plans untuk 17 jenis bangunan yang dibina oleh JKR sejak tahun 2016 yang terbukti berupaya memudahkan pelaksanaan projek menggunakan IBS serta mengurangkan kos dan masa pembinaan.
12. Pada November 2017pula, CIDB telah membuka MYBIM Centre di Menara Sunway Kuala Lumpur bagi membantu industri dalam pelaksanaan BIM di dalam projek-projek mereka. Antara lain,Perkhidmatan yang akan disediakan oleh *myBIM Centre* termasuk menjadi pusat latihan untuk pemaju, kontraktor, perunding dan pembekal BIM, dimana latihan yang disediakan termasuk *AffordableBIM Software Training, BIM Concept, BIM Modeler, BIM*

*Coordinator* dan *BIM Manager*.Penggiat industri yang dilatih akan diakreditasi tahap kompeten mereka dalam BIM oleh CIDB. Sejak 2016 hingga kini CIDB telah melatih seramai 1,300 penggiat industri menggunakan BIM.

13. Selain itu, MyBIM Portal juga telah siap dibina dan kini dibuka untuk digunakan oleh para penggiat industri. Kemudahan yang sedia ada di dalam MyBIM Portal termasuk program-program latihan BIM, maklumat penting mengenai BIM serta tempahan untuk penggunaan fasiliti-fasiliti seperti MyBIM Studio, serta bilik-bilik seminar yang sedia untuk digunakan di *myBIM Centre*.
14. Para hadirin sekalian, pada hari ini, CIDB dan MPC akan memeterai kerjasama di dalam memastikan saudara-saudari, sebagai penggiat industri pembinaan berupaya menggunakan teknologi IBS dan BIM dalam meningkatkan produktiviti kerja masing-masing.
15. Di dalam Memorandum Persefahaman yang bakal ditandatangani sebentar lagi, CIDB dan MPC telah bersetuju untuk menjayakan program Champions di dalam bidang Sistem Binaan Berindustri atau IBS. Di atas cetusan idea dan usaha gigih team CIDB Pulau Pinang dan MPC, program ini akan dimulakan di Pulau Pinang, sebelum ianya dibuka ke negeri-negeri lain.Syabassaya ucapkan kepada semua yang terlibat!
16. Selain daripada Program Champions IBS, CIDB dan MPC juga akan berkolaborasi di dalam menggalakkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SMEs) untuk memafaatkan penggunaan BIM menerusi Skim Peningkatan Produktiviti Enteprenuer oleh MPC.

Seterusnya, MPC telah bersetuju untuk mengukur kadar peningkatan produktiviti syarikat-syarikat yang menyertai program Champions IBS dan BIM tersebut.

17. Saya menggesa semua para hadirin mengambil peluang keemasan ini untuk menyertai program Champions bagi melihat sendiri bagaimana teknologi IBS dan BIM ini mampu meningkatkan kadar produktiviti projek pembinaan masing-masing. Saya percaya, kejayaan program Champions ini nanti akan dapat memberikan lebih keyakinan kepada syarikat-syarikat pembinaan lain diseluruh negara untuk sama-sama menggunakan IBS dan BIM.
18. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak MPC kerana sedia berkerjasama dengan CIDB di dalam usaha strategik kearah peningkatan produktiviti industri pembinaan negara.
19. Dengan ucapan itu dan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Seminar Redesigning Construction for the Future & 4th Industrial Revolution.

Sekian, terima kasih.